




## **POLISI PENCEGAHAN GANGGUAN SEKSUAL DAN KEGANASAN DI TEMPAT KERJA**

Selaras dengan visi Syarikat untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap dalam sektor pertanian dan makanan, FELCRA Berhad komited dan bertanggungjawab dalam menyediakan persekitaran tempat kerja yang selamat dan bebas dari sebarang bentuk gangguan seksual dan keganasan.

Dengan ini, FELCRA Berhad akan mengambil langkah-langkah pencegahan sebagaimana yang berikut:-

- Tidak bertoleransi dengan sebarang bentuk gangguan seksual dan keganasan yang melibatkan staf, pekerja syarikat ataupun orang luar.
- Mengenakan tindakan disiplin termasuk diberhentikan kerja terhadap staf atau pekerja yang didapati bersalah dalam kes gangguan seksual dan keganasan.
- Menjalankan program promosi dan pendidikan bagi memberi kesedaran tentang definisi gangguan seksual dan kesan negatif kepada mangsa, pesalah dan syarikat.
- Menyediakan saluran untuk penyampaian aduan dan melindungi kerahsiaan identiti pengadu.
- Memberi penekanan kepada peringkat pengurusan untuk sentiasa bertanggungjawab dan menjadi contoh teladan yang positif dalam mematuhi polisi ini.
- Tidak mengambil tindakan balas ke atas pembela hak asasi manusia dan pemberi maklumat.

  
(MOHAMED ISMI BIN ABDUL MAJID)  
KETUA PEGAWAL EKSEKUTIF  
FELCRA BERHAD

Semakan: 05

Tarikh: 13 April 2026